

26 OCT 1996

Jackson-tiba (bergambar)

MICHAEL JACKSON TIBA UNTUK DUA PERSEMBAHAN DI KUALA LUMPUR

SUBANG, 26 Okt (Bernama) -- Selepas Kerajaan Selangor enggan membenarkan beliau mengadakan persembahan di Stadium Shah Alam, penghibur antarabangsa Michael Jackson tiba dengan pesawat peribadinya hari ini untuk mengadakan dua persembahan di sini sebagai sebahagian daripada konsert "HIStory World Tour"nya.

Beliau dijadual mengadakan dua persembahan di Stadium Merdeka Stadium esok dan pada hari Selasa. Tiket-tiket untuk persembahan pertama beliau di sini itu laris seperti goreng pisang panas.

Ketibaan Jackson disambut beratus-ratus peminatnya yang memenuhi terminal satu Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah.

Beliau yang memakai pakaian serba hitam dan topi, muncul dari dewan ketibaan orang kenamaan pada pukul 2.30 petang sambil memberikan lambaian kepada peminatnya yang memanggil-manggil nama beliau.

Sungguhpun pesawatnya mendarat pada 1.45 petang, para peminatnya telah mula berkumpul di lapangan terbang itu sejak pukul 12 tengah hari.

Pasukan Polis, Unit Simpanan Persekutuan dan pengawal keselamatan lapangan terbang berada di situ untuk mengawal orang ramai.

Seorang peminat berusia 21 tahun berkata beliau menyimpan hasrat untuk menemui Raja Muzik Pop itu sejak berusia 12 tahun lagi.

Seorang wanita Indonesia berusia 56 tahun yang berada di situ bersama-sama tiga orang anaknya berkata beliau datang untuk melihat Michael Jackson dari sekati.

Kedatangan Michael Jackson ke sini menimbulkan kontroversi apabila Majlis Perbandaran Shah Alam dan kerajaan Selangor enggan membenarkan beliau daripada mengadakan persembahan di Stadium Shah Alam dengan alasan persembahan beliau bertentangan dengan nilai-nilai masyarakat tempatan.

Kabinet bagaimanapun tidak menentang konsert itu. Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kebenaran terhadap konsert sedemikian pada masa hadapan akan bergantung kepada kelakuan para peminat pada konsert Michael Jackson nanti.

-- BERNAMA.